

Pelajar sebak

Sedih lihat keadaan mangsa ketika ikuti program sukarelawan

FOTO | Syaharim Abidin

>>Oleh Mohamad Hussin

mohamad@hmetro.com.my

JITRA: "Saya rasa tersentuh melihat keadaan rumah mangsa banjir yang kebanyakan harta benda mereka musnah," kata Ainul Fathiyah Abdul Fatta, 20, antara 120 pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) yang terbabit dalam kerja sukarelawan membersihkan rumah penduduk Taman Tabung Haji, di sini, semalam.

Dia yang mengambil jurangan akaun di UUM berkata, dia terkejut apabila melihat sendiri keadaan rumah mangsa banjir selepas air mulai surut.



"Ini pengalaman pertama saya membantu rumah mangsa banjir. Tak dapat saya bayangkan perasaan mereka apabila melihat barangan dalam rumah semua-

nya rosak dan kotor.

"Saya sebak melihat seorang pak cik menangis apabila melihat kami datang membersihkan rumahnya. Saya turut merasakan beban

mangsa banjir ini dengan banyak barangan rumah seperti tilam, televisyen, radio, dapur memasak dan perabot rosak," katanya yang ditemui di sini, semalam.

GIGIH...
tiga pelajar UUM dan Usim yang menyertai program sukarelawan.